

BAB 4

METODOLOGI

4.1 Populasi Dan Persampelan

Selepas menjalankan praujian, pengkaji telah menemubual 71 orang responden dengan borang soal selidik. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) (Wimmer & Dominick, 1997:68). Temubual dijalankan semasa responden berada di Malaysian Association for the Blind (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur, yang telah merayakan ulang tahun ke-50 pada tahun 2001. MAB dipilih kerana ia merupakan pertubuhan untuk golongan cacat penglihatan yang pertama di Kuala Lumpur (Wong, 1991:56). Tambahan pula, pelajar Gurney Training Centre (GTC) di situ dan ahli perpustakaannya merupakan salah satu golongan yang mempunyai paling banyak peluang untuk mengakses kesemua media massa yang ada, khasnya untuk golongan cacat penglihatan di Kuala Lumpur. GTC dan keahlian perpustakaan MAB adalah terbuka kepada semua golongan cacat penglihatan dan keahlian perpustakaan tersebut adalah percuma.

Menurut laporan tahunan MAB bagi tahun 1999, perpustakaan MAB mempunyai buku Braille bahasa Melayu dan Inggeris, buku audio bahasa Melayu dan Inggeris, majalah Braille, majalah audio bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin. Selain itu, perpustakaan tersebut juga membekalkan bahan bacaan seperti akhbar, majalah dan buku kepada mereka yang *low-vision*. Alat khas atau alat pengimbas yang membantu pengguna cacat penglihatan untuk membaca bahan cetak juga dibekalkan. MAB juga menyediakan perkhidmatan Internet kepada penggunanya.

Selain itu, pengkaji juga pernah cuba untuk mendapatkan responden daripada ahli-ahli pertubuhan orang cacat penglihatan yang lain, iaitu Society of the Blind in Malaysia (SBM) yang juga terletak di Brickfields, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, setelah menghantar borang soal selidik dengan menggunakan e-mel dan menunggu selama dua bulan (Oktober hingga November, 2001), pengkaji terpaksa mengambil responden daripada MAB sahaja kerana tidak ada sebarang maklum balas daripada ahli-ahli SBM.

4.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data telah dijalankan dalam tempoh dua bulan iaitu bulan Oktober untuk pelajar di GTC dan bulan November untuk ahli perpustakaan pada tahun 2001 di MAB, Kuala Lumpur. Terdapat 47 orang pelajar di GTC: 20 orang pelajar mengambil kursus pengurutan, tujuh orang mengikuti kursus Braille, empat orang mengikuti kursus Braille dan kemahiran sosial, enam orang mengambil kursus telefoni dan 10 orang mengikuti kursus industri.

Pengkaji telah cuba untuk mendapatkan kesemua pelajar di GTC. Walau bagaimanapun, antara 47 orang pelajar, seorang pelajar telah memasuki hospital, seorang lagi kurang berupaya untuk bercakap, seorang pelajar pula enggan ditemubual dan lapan orang pelajar tidak ada di dalam kelas semasa temubual dijalankan kerana mereka mempunyai urusan masing-masing. Pengkaji telah pergi ke GTC untuk mendapatkan lapan pelajar tersebut untuk kali kedua tetapi gagal. Oleh itu, pengkaji hanya mendapat 36 orang pelajar GTC, iaitu 76.60% daripada jumlah 47 orang pelajar.

Menurut *NCBM Outreach, No.24*, yang diterbitkan pada tahun 2001, jumlah ahli perpustakaan MAB yang berada di Kuala Lumpur ialah 194 orang. Antara 194 orang ahli

tersebut, 75 orang (38.70%) ialah ahli aktif yang meminjam bahan bacaan secara langsung (pergi ke perpustakaan MAB) atau melalui pos. Menurut laporan tahunan MAB bagi tahun 1999 pula, pengguna aktif yang pergi ke perpustakaannya untuk peminjaman langsung semakin berkurangan kerana kebanyakkan pengguna lebih suka menerima bahan bacaan, khasnya buku Braille yang *bulky*, melalui pos daripada membawanya dengan sendiri. Tambahan pula, pengiriman bahan bacaan tersebut adalah percuma dan tempoh peminjamannya adalah lebih panjang (sebulan) berbanding peminjaman langsung (dua minggu). Laporan tersebut juga menyatakan bahawa keadaan tersebut merupakan trend bagi perpustakaan untuk golongan cacat penglihatan di dunia. Oleh itu, angka sebenar bagi pengguna yang aktif meminjam bahan bacaan, yang pergi ke perpustakaan MAB, adalah kurang daripada 75 orang. Disebabkan maklumat tentang ahli-ahli perpustakaan MAB adalah sulit, pengkaji hanya boleh mendapatkan responden (pengguna aktif) di perpustakaan MAB sahaja.

Setelah menjalankan temubual di perpustakaan MAB selama sebulan, pengkaji bertemu dengan 43 orang ahlinya. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya mendapat 35 orang responden (46.70% daripada jumlah 75 orang ahli aktif) kerana tujuh orang ahli enggan ditemubual dan seorang ahli hanya sempat menjawab tiga soalan sahaja kerana dia perlu meninggalkan perpustakaan untuk balik bersama rakannya. Tujuh orang ahli tersebut mempunyai sebab-sebab mereka: dua orang mengatakan bahawa mereka telah banyak disoal oleh pengkaji yang lain; seorang ahli mengatakan bahawa dia hanya tidak mahu disoal; seorang lagi memberi alasan tidak ada masa kerana dia perlu menghadiri mesyuarat; seorang lagi perlu balik ke kampung; seorang ahli lain menyatakan bahawa dia takut ditanya oleh orang lain dan seorang lagi menyatakan bahawa tidak ada apa-apa maklumat yang ingin diberi olehnya.

Sewaktu menjalankan temubual di perpustakaan MAB, pengkaji telah bertemu dengan beberapa orang responden yang sama untuk beberapa kali, tetapi responden hanya diminta untuk menjawab borang soal selidik sekali sahaja untuk kajian ini. Oleh itu, pengkaji telah mendapat 71 orang responden (36 orang pelajar GTC dan 35 orang ahli perpustakaan) dari MAB untuk kajian ini.

4.3 Pengendalian Temubual

Semua responden kajian ini telah melibatkan diri dalam temubual secara sukarela. Mereka bekerjasama dengan pengkaji dan pengkaji berpendapat bahawa mereka telah memberi jawapan mereka dengan seberapa jelas yang boleh. Mereka telah diberitahu bahawa pengkaji ingin mengetahui penggunaan media massa mereka. Pengkaji telah memberitahu responden bahawa tidak ada jawapan yang "betul" atau "salah" bagi soal selidik kajian ini dan pengkaji hanya ingin mengetahui pandangan dan perasaan personal responden kajian. Responden kajian juga telah diberitahu bahawa pengkaji tidak akan bersetuju atau tidak bersetuju dengan jawapan mereka.

Masa untuk menemubual setiap responden adalah lebih kurang setengah jam. Sebelum temubual dijalankan, responden telah diberitahu bahawa pengkaji akan mengulangi atau menerangkan soalan jika responden memerlukannya. Mereka juga diberitahu bahawa mereka boleh menolak untuk menjawab sebarang soalan yang mereka tidak mahu menjawab. Beberapa orang responden meminta pengkaji untuk mengulangi dan menerangkan beberapa soalan tertentu, tetapi hampir semua responden menjawab semua soalan tanpa pengulangan dan penerangan soalan.

A510979034

Sebelum temubual bermula, pengkaji cuba untuk bercakap dengan responden tentang perkara yang biasa dengan mereka seperti makanan dan minuman untuk sarapan pagi atau waktu rehat, serta program-program di asrama atau perpustakaan mereka. Perbualan tersebut hanya merupakan perbualan biasa tetapi ia mengurangkan jurang antara pengkaji dan responden. Perkara ini penting kerana hampir semua responden kajian tidak dapat mengesan bahasa badan pengkaji seperti *facial expression* atau *gesture* pengkaji. Pengurangan jurang tersebut dapat menggalakkan responden untuk menjawab soalan dalam keadaan yang lebih lega.

Pengkaji merakamkan semua temubual agar pengkaji tidak perlu menumpu perhatian untuk mencatatkan perbincangan semasa temubual dijalankan. Selain itu, tindakan tersebut juga membolehkan pengkaji mempunyai peluang untuk mendengar semula semua perbincangan responden. Walau bagaimanapun, sebelum temubual bermula, semua responden telah diberitahu bahawa temubual akan dirakamkan oleh pengkaji. Beberapa orang responden yang tidak mahu perbincangan mereka dirakamkan oleh pengkaji telah menyuarakan pendirian mereka dan pengkaji tidak merakamkan temubual tersebut.

Pengkaji sama ada menggunakan bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin atau Kantonis semasa menjalankan temubual. Responden diberi peluang untuk memilih bahasa yang paling biasa digunakan oleh mereka sebelum temubual dijalankan. Walau bagaimanapun, bahasa yang paling banyak digunakan untuk temubual kajian ini ialah bahasa Melayu, iaitu bahasa yang digunakan dalam borang soal selidik.

Selepas temubual dijalankan, pengkaji mencatatkan beberapa komen tentang responden atau sikapnya terhadap soal selidik untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, yang menolong pengkaji untuk menganalisa data dengan lebih menyeluruh atau tepat.

4.4 Hipotesis

Pengkaji menentukan rangka kasar bagi arah tuju kajian ini setelah melihat andaian-andaian dan konsep-konsep bagi pendekatan penggunaan dan kepuasan serta kajian masa lepas tentang penggunaan media massa bagi golongan cacat penglihatan. Selepas itu, pengkaji membina objektif kajian. Hipotesis kajian dibina berdasarkan objektif kajian tersebut untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang penggunaan media massa bagi golongan cacat penglihatan di Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur. Pengkaji mengira kekerapan dengan merujuk kepada jawapan responden daripada borang soal selidik, untuk menentukan sama ada sesuatu hipotesis diterima atau ditolak. Kajian ini mempunyai lima belas hipotesis iaitu:

- i. Faktor ekonomi menghadkan pembelian media massa responden
- ii. Responden menggunakan media massa selama empat jam atau kurang dalam masa sehari
- iii. Responden paling kerap menggunakan radio berbanding media massa lain
- iv. Responden lebih kerap menggunakan media elektronik berbanding media cetak
- v. Responden paling kerap menggunakan media massa di rumah berbanding tempat lain
- vi. Responden paling kerap menggunakan media massa pada waktu malam
- vii. Responden paling kerap menggunakan media massa secara individu
- viii. Responden menggunakan media massa disebabkan sepuluh tujuan atau lebih
- ix. Responden suka menggunakan media massa

- x. Responden paling suka menggunakan radio berbanding media massa lain
- xi. Responden menghadapi masalah semasa menggunakan media massa
- xii. Responden paling kerap berasa puas hati selepas menggunakan media massa
- xiii. Responden hanya menggunakan media massa apabila mereka mempunyai keperluan untuk menggunakannya
- xiv. Responden hanya bergantung kepada media massa untuk mendapat maklumat
- xv. Media massa adalah penting bagi responden

4.5 Praujian

Satu praujian telah dijalankan untuk mengenalpasti masalah yang mungkin wujud semasa kajian dijalankan dan mengenalpasti maklum balas responden untuk membaiki soal selidik kajian ini. Praujian tersebut dilakukan di Kuala Lumpur terhadap tujuh orang yang cacat penglihatan. Mereka terdiri daripada seorang guru, dua orang pelajar ijazah sarjana muda dan tiga orang pelajar ijazah sarjana di Universiti Malaya, dan seorang jurutera audio bagi sebuah pertubuhan khas golongan cacat penglihatan, iaitu SBM.

Kesemua responden tersebut dipilih untuk praujian kerana pengkaji mengandaikan bahawa mereka peka dengan perkembangan industri media dan kerap menggunakan media massa. Guru dipilih kerana pengkaji mengandaikan bahawa guru perlu peka dengan perkembangan semasa yang dibekalkan oleh media massa untuk mendapat bahan pengajaran dan seterusnya berkongsi bahan tersebut dengan pelajar. Pelajar-pelajar di Universiti Malaya dipilih kerana universiti tersebut merupakan universiti yang menyediakan karel dan perkhidmatan khas kepada pelajar cacat penglihatan dan sebagai pelajar berpendidikan tinggi, mereka memerlukan banyak maklumat media massa dalam pembelajaran. Jurutera audio dipilih kerana sebagai kakitangan yang menyediakan media

khas untuk golongan cacat penglihatan, dia lebih peka dengan keperluan dan keadaan golongan cacat penglihatan dalam hal-hal bersabit dengan penggunaan media massa.

Pengkaji menukar struktur ayat, menyusun, menambah, mengubah dan mengurangkan soalan-soalan tertentu bagi borang soal selidik selepas menemubual setiap responden untuk praujian, agar pengkaji mendapat soalan yang paling jelas dan tepat.

Selepas melakukan praujian dan sebelum melakukan kajian, pengkaji telah menemuramah tiga orang kakitangan bagi dua buah pertubuhan khas untuk golongan cacat penglihatan di Kuala Lumpur, untuk mendapat gambaran yang lebih jelas dan terperinci tentang keadaan golongan cacat penglihatan di kawasan tersebut. Kakitangan tersebut terdiri daripada Pengarah Eksekutif bagi The National Council for the Blind, Malaysia (NCBM) iaitu Encik Ivan Ho Tuck Choy, dan dua orang daripada MAB, iaitu Puan Raja Norsadah Raja Sulaiman, selaku Penolong Kanan GTC dan Cik Sharozalina Saari, selaku Penolong Pentadbir Perpustakaan MAB. Selain itu, laporan tahunan bagi pertubuhan untuk golongan cacat penglihatan seperti MAB dan NCBM, carta organisasi MAB dan *NCBM Outreach* juga dirujuk oleh pengkaji untuk mendapat gambaran yang lebih menyeluruh.

4.6 Masalah Kajian

Walaupun terdapat banyak kajian tentang penggunaan media massa, subjek kajian tersebut biasanya bukan golongan minoriti secara amnya, dan golongan cacat penglihatan secara khususnya. Kekurangan ini telah menyebabkan kajian ini perlu bermula dari peringkat paling asas. Selain itu, bilangan subjek kajian ini ditentukan oleh MAB kerana pengkaji merujuk kepada angka yang disediakan oleh pihak tersebut. Tidak ada masalah untuk perangkaan pelajar GTC kerana bilangan pelajar di situ memang terhad kepada 47

orang sahaja. Walau bagaimanapun, bilangan ahli perpustakaan yang aktif (75 orang) yang diberi oleh pihak tersebut mempunyai batasannya kerana definisi bagi "aktif" adalah berbeza mengikut pustakawan atau pihak yang menyediakan perangkaan tersebut.

Masalah yang seterusnya ialah masalah pemahaman soalan kajian oleh beberapa orang responden. Terdapat dua orang responden yang hanya dapat menggunakan bahasa Tamil dengan baik dan kurang berupaya untuk bertutur dengan menggunakan bahasa lain. Pemahaman mereka tentang soalan tersebut amat terhad dan pelajar lain yang memahami bahasa Tamil dan bahasa Melayu menolong pengkaji untuk menterjemahkan soalan-soalan kajian. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang responden yang mahir menggunakan bahasa Melayu masih menghadapi masalah untuk menjawab soalan tertentu kerana pengalaman mereka amat terhad jika dibandingkan dengan responden lain dalam hal-hal penggunaan media massa.